

18/11/2000

Konsep pertanian baru bantu petani

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kira-kira 700,000 petani di seluruh negara akan menyertai konsep baru pertanian yang lebih cekap serta berdaya maju menerusi pelaksanaan Skim Pertanian Berskala Besar, mulai awal tahun depan.

Projek perintis skim itu membabitkan pelbagai jenis kegiatan pertanian dan penternakan, akan dibangunkan di Kluang, Johor, membabitkan kawasan seluas 4,000 hektar.

Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi berkata, projek itu dibangunkan secara integrasi meliputi pertanian, perikanan, penternakan, pembungkusan dan pemasaran produk.

"Apabila projek itu siap kelak, kerajaan akan membawa ahli Persatuan Peladang ke tapak program untuk melihat sendiri pelaksanaan konsep pertanian moden serta berdaya maju.

"Ia akan menggerakkan petani untuk melaksanakan projek yang sama di tempat masing-masing," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Nafas, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman.

Program besar-besaran itu diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas melihat pertanian berskala besar di Jepun dan Eropah.

Effendi berkata, perunding khas dari Kolej Pertanian Diraja (RAC), United Kingdom sudah melaksanakan kajian skim itu sejak Julai lalu, dengan pembangunan pelan induk dijangka siap menjelang akhir tahun ini.

"Projek ini yang akan dibangunkan dalam tempoh tiga tahun, diharap menjadi projek perintis dan pemangkin ke arah memodenkan sektor pertanian negara ini pada alaf baru," katanya.

Di tapak projek berkenaan, katanya, kerajaan akan memperkenalkan konsep pertanian baru dalam pelbagai sektor, baik dalam bidang pertanian, penternakan dan pemasaran produk.

"Kita mungkin boleh menggunakan teknik perikanan dari Denmark, manakala konsep pertanian dari United Kingdom. Ini membolehkan kita mendapatkan yang terbaik dari semua pelusuk dunia," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, kerajaan menerusi Mardi akan berusaha mendapatkan teknologi terbaru dalam sektor pertanian global untuk program berkenaan.

(END)